

Headline	Pelabur perlu tumpu saham perladangan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	09 Dec 2013	Color	Black/white
Section	Niaga	Circulation	115,967
Page No	51	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	120 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 554
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,662



# Pelabur perlu tumpu saham perladangan

**KUALA LUMPUR** - Saham-saham perladangan boleh menjadi kekuatan terbaharu untuk pelabur di Bursa Malaysia Securities berikutan momentum menaik harga-harga minyak sawit mentah.

Naib Presiden dan Ketua Penyelidikan Runcit, Affin Investment Bank. Bhd., Dr. Nazri Khan berkata, peniaga seharusnya mula mengumpul saham-saham perladangan seperti IOI Corp, Kuala Lumpur Kepong, IJM Plantation, Batu Kawan, United Plantation, Genting Plantation, TH Plantation dan TDM Bhd.

Beliau berkata, bergerak ke hadapan, ekuiti tempatan itu dijangka terus rancak dan kekuatan sektor perladangan akan menjadi antara faktor penggerak utama.

"Bursa Malaysia seharusnya mendapat pemangkin signifikan daripada lantunan kukuh komoditi dengan minyak sawit mentah, emas dan tembaga," katanya kepada *Bernama* di sini semalam.

Berdasarkan perbandingan mingguan, Indeks Perladangan melonjak 118.55 mata kepada 8,998.60 mata.

Dari sudut teknikal, Nazri berkata, FTSE Bursa Malaysia KLCI, yang telah melengkapkan corak pergerakan rancak, kini bersedia untuk melompat lebih jauh selepas mencapai jurang pemisahan pada 1,825 hingga 1,818 mata dan mencecah paras tertinggi seharian iaitu 1,840.12 mata pada awal minggu lepas.

Beliau berkata, paras halangannya ialah di antara 1,830 dan 1,840 sementara paras sokongan untuk sebarang kejatuhan pada bulan Disember ialah di antara 1,820 dan 1,800.

"Trend bermusim selalunya menyaksikan penamatan yang kukuh untuk bulan Disember dengan pengambilan untung kebiasaannya berlaku sebelum Tahun Baru Cina pada lewat Januari," katanya.

Sementara itu, FTSE Bursa Malaysia KLCI mengakhiri minggu urus niaga pada paras tinggi baharu 1,826.95 mata, kali ketiga untuk minggu ini selepas mencecah paras tinggi sebelumnya iaitu 1,824.29 mata pada 3 Disember dan meningkat kepada 1,824.86 mata pada 5 Disember.